

Seminar “Pasaran Modal Islam Malaysia 2016”  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)  
Dengan Kerjasama Bursa Malaysia

Tajuk:

## MEMAHAMI KERANGKA *MAQASID AL-SYARIAH* DALAM KEWANGAN DAN PELABURAN

Oleh:

Prof Madya Dr Asmadi Mohamed Naim  
Pensyarah Islamic Business School (IBS),  
Universiti Utara Malaysia

Ahli Majlis Syariah  
Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti

### **Abstract**

*Semakin banyak desakan supaya perlaksanaan maqasid syariah diutamakan dalam system kewangan Islam. Seruan sebegini muncul di saat banyak produk-produk yang distrukturkan pada masa kini dikatakan hanya memenuhi struktur dan bentuk kontrak yang patuh Syariah sahaja. Kritik dilontarkan atas dakwaan kurang penekanan diberikan untuk menyemak kewujudan kandungan maqasid Syariah dan ruhnya dalam struktur-struktur tersebut. Kertas ini bertujuan merungkai kerangka maqasid Syariah yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh maqasid Syariah, kerangka maqasid Syariah dalam isu kewangan dan pelaburan dan kerangka maqasid Syariah dalam kontrak-kontrak pelaburan. Metode penulisan ini ialah metode kualitatif melalui penganalisan al-Quran, Sunnah, kitab-kitab semasa dan lama, dan artikel-artikel serta website. Kertas ini merumuskan bahawa terdapat panduan jelas mengenai kerangka maqasid Syariah dalam kewangan dan pelaburan. Ia boleh menjadi panduan kepada pengurusan kewangan dan pelaburan moden supaya terbina di bawah maqasid Syariah dan ruhnya.*

## 1.0 PENGENALAN

Semakin banyak desakan supaya pelaksanaan maqasid syariah diutamakan dalam system kewangan Islam. Seruan sebegini muncul di saat banyak produk-produk yang distrukturkan pada masa kini dikatakan hanya memenuhi struktur dan bentuk kontrak yang patuh Syariah sahaja. Kritik dilontarkan atas dakwaan kurang penekanan diberikan untuk menyemak kewujudan kandungan maqasid Syariah dan ruhnya dalam struktur-struktur tersebut.

Kertas ini bertujuan merungkai perkara-perkara berikut:

- i. kerangka maqasid Syariah yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh maqasid Syariah.
- ii. Maqasid Syariah dalam isu kewangan dan pelaburan
- iii. Maqasid Syariah dalam kontrak-kontrak pelaburan

Metode penulisan ini ialah metode kualitatif melalui penganalisaan al-Quran, Sunnah, kitab-kitab semasa dan lama, dan artikel-artikel serta website.

## 2.0 DEFINASI MAKSUD SYARIAT ISLAM

Perkataan “*maqasid*” atau “*maqasid*” bererti “maksud” atau “tujuan” dalam bahasa Melayu. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasidun*. Perkataan ini membawa pelbagai makna antaranya menuju, arah, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan *al-qasid* pula bererti tongkat. Tongkat memberi banyak faedah kepada manusia iaitu dapat membantunya dan menuntunnya ketika berjalan. Kata *jama'* (plural) *al-maqasid* ialah *al-maqasid*.<sup>1</sup>

Seorang cendekiawan Islam Ismail al-Hasani, ketika membahaskan teori *maqasid al-syariah* atau “matlamat akhir” syariat Islam ini, telah mengaitkan makna bahasa “menuju” dengan istilah *al-maqasid*. Beliau berkata di dalam bukunya:

*“Sesungguhnya seruan ke arah al-qasadiyyah (objektif atau tujuan syariat) adalah tugas pertama syariat Islam. Ia menuntun dan membawa perbuatan seseorang manusia kepada perbuatan, yang perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang yang niatnya bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. ketika mensyariatkannya ke atas manusia”.*<sup>2</sup>

### 2.1 Definisi maqasid Syariah dari sudut istilah:

Terdapat pelbagai definisi *al-maqasid* mengikut istilah yang diberikan oleh para sarjana Islam. Dari segi sejarah, Imam al-Syatibi adalah tokoh yang terkenal mempromosi<sup>3</sup> teori matlamat akhir atau objektif syariat (*nazariyyah al-maqasid*) dan mengembangkannya. Namun beliau tidak memberikan definisi khusus berkaitan dengan *maqasid Syariah* ini. Sebaliknya beliau terus menerangkan teori ini tanpa memberikan definisinya. Perkara ini berlaku kerana tulisannya ditujukan kepada orang-orang yang pakar (bertaraf mujtahid).

Beberapa pengkaji-pengkaji *maqasid* yang lain cuba untuk memperhalusi kitab al-Syatibi bagi memperolehi maksudnya mengenai teori tersebut. Pada mereka *Maqasid al-syariah* menurut

---

<sup>1</sup> Al-Fayruz Abadi. 1997. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya al-Turas al-‘Arabi. Cet. 1. v.1, h.449. . 1992. *al-Munjid fi al-Lughah wa al-I’lam*.. Beirut: Dar al-Masyriq. Cet. 33. h.632.

<sup>2</sup> Al-Hasani, Ismail. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid ‘inda al-Imam Muhammad al-Tahir Ibn al-‘Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought. Cet. 1. h.114,115. Lihat juga Asmadi Mohamed Naim (2009). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: UUM Press.

<sup>3</sup> Teori ini dilihat seolah-olah diasaskan oleh Imam al-Syatibi, namun setelah meneliti kitab-kitab ulama Usul al-Fiqh ternyata bahawa ulama-ulama sebelumnya telah memperkatakan mengenainya melalui penggunaan kalimah yang lain seperti al-ghardu, al-ba’ith dan lain-lain. (Sila lihat buku Ismail al-Hasani dan Ahmad al-Raysuni).

pandangan Imam al-Syatibi ialah maksud Allah itu boleh diketahui melalui perkara-perkara berikut:<sup>4</sup>

**Pertama:** Maksud dan matlamat akhir atau objektif syariat Islam ialah supaya dilaksanakan sesuatu hukum yang diminta untuk dilaksanakan dan meninggalkan perbuatan yang dilarang melakukannya.

**Kedua:** Matlamat akhir syariat Islam supaya dilaksanakan sesuatu yang maksud dan pengertiannya dapat difahami secara terus dari al-Quran dan al-sunnah tanpa menggunakan *al-qiyas* dan sebagainya. Umpamanya satu keadaan di zaman Rasulullah S.A.W. yang mana al-Quran dan al-sunnah tidak memperkatakannya. Namun keadaan tersebut memerlukan diamalkan sesuatu perbuatan bersesuaian dengan masa keadaan tersebut. Maka perbuatan yang dibenarkan dalam keadaan tersebut hanya sekadar ruang-lingkup yang diperlukannya, tidak boleh dikurangkan atau ditambah pada perlaksanaannya.<sup>5</sup>

**Ketiga:** Matlamat akhir syariat Islam untuk memperolehi maksud-maksud yang menjadi tujuan kepada pelaksanaan sesuatu hukum.

Manakala Imam Ibn ‘Asyur pula, ketika memberi definisi *maqasid al-syariah*, beliau membahagikannya *maqasid al-syariah* kepada maksud umum dan maksud khusus.

- i. Maksud atau matlamat yang umum bagi syariat Islam ialah “makna-makna dan hikmah-hikmah yang diperhatikan dari Allah S.W.T. pada setiap perkara yang disyariatkan olehnya atau sebahagian besar darinya. Termasuk di dalam matlamat umum ini juga, hikmah-hikmah yang tidak diketahui pada keseluruhan hukum-hukum tetapi dapat diketahui dan diperhatikan pada sebahagian besar dari hukum-hukum yang disyariatkan itu”.<sup>6</sup>
- ii. Manakala *maksud khusus* ialah cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat, samada untuk mencapai maksud-maksud yang berfaedah untuk manusia, atau untuk memelihara kepentingan umum mereka pada tindakan khusus mereka”.<sup>7</sup>

Makna *maqasid* syariat atau objektif syariat Islam mengikut pandangan Ilal al-Fasi ialah “objektifnya, dan rahsia-rahsia yang dijadikan oleh syariat di sebalik setiap hukum dari hukum-hukum yang disyariatkan.”<sup>8</sup>

Definisinya menurut Ahmad al-Raysuni ialah “objektif-objektif yang mahu dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan hamba-hambanya ketika mensyariatkan sesuatu hukum”.<sup>9</sup>

Ismail al-Hasani pula mentakrifkan *maqasid al-syariah* dengan takrif yang hampir bersamaan dengan takrif Imam al-Syatibi. Takrifnya ialah “matlamat-matlamat yang merupakan

---

<sup>4</sup> Al-Hasani, Ismail. h.114.

<sup>5</sup> Penulis tidak memberikan contoh bagi jenis ini kerana tiada contoh yang diberi oleh cendekiawan Islam mengenainya.

<sup>6</sup> Ibn ‘Asyur, Muhammad al-Tahir. 1998. *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyyah*. t.t: al-Basair li al-Intaj al-‘Ilmi. Cet. 1, h.171.

<sup>7</sup> Ibid, h.300.

<sup>8</sup> Al-Raysuni, Ahmad. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid ‘inda al-Imam al-Syatibi*. Riyadh: al-Dar al-‘Alamiyyah li al-Kitab al-Islami. Cet. 4. h.18.

<sup>9</sup> Ibid, h.19.

kepentingan-kepentingan yang diperhatikan untuk manusia dari hukum-hukum yang disyariatkan; dan makna-makna yang dimaksudkan secara terus dari pengucapan al-Quran dan al-sunnah (*al-nas*)”.<sup>10</sup>

Kesimpulannya ialah para sarjana Islam sepakat pada mengatakan bahawa maksud atau tujuan syariat Islam ketika mensyariatkan sesuatu hukum berkait rapat dengan matlamat yang ingin dicapai. Makna yang diambil secara terus dari ayat al-Quran dan al-sunnah adalah sebahagian dari matlamat tersebut walaupun sebahagian besar dari mereka tidak menyebutnya secara nyata mengenainya. Namun, perkara itu disebut secara terang-terangan dalam takrif Imam al-Syatibi dan Ismail al-Hasani yang mana pada pandangan penulis ianya bertujuan untuk mengelakkan seseorang melanggar arahan atau larangan syariat Islam atas alasan bahawa perbuatan mereka adalah untuk mencapai objektif syariat Islam walaupun cara mereka bertentangan dengan syariat Islam. Dalam ertikata yang lain, pelaksanaan sesuatu amalan dengan cara yang bertentangan dengan syariat Islam dengan alasan mahu memenuhi objektif syariat Islam adalah tertolak. Sebaliknya melaksanakan amalan tersebut mengikut cara-cara yang disuruh oleh syariat Islam adalah objektifnya.

### 3.0 KERANGKA MAQASID SYARIAH

Kerangka maqasid Syariah mengikut pandangan Imam al-Syatibi dan Imam Ibn ‘Asyur adalah sebagaimana berikut:

#### 3.1 Kerangka maksud Syariah mengikut pandangan Imam al-Syatibi:

Imam al-Syatibi membahagikan secara umum *al-maqasid* atau “maksud sesuatu perbuatan” itu kepada dua iaitu:<sup>11</sup>

- a. Maksud Allah S.W.T.
- b. Maksud *mukallaf*.<sup>12</sup>

Maksud Allah S.W.T. pada sesuatu perkara yang disyariatkan oleh-Nya terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

3.1.1 Maksud Allah S.W.T. pada permulaan mensyariatkan sesuatu perkara dan ianya pada peringkat awal perkara tersebut. Perkara yang mendatang selepasnya merupakan keterangan terhadapnya. Al-Syatibi membahagikan bahagian ini kepada tiga bahagian iaitu *al-daruriyyah*, *al-hajjiyyah* dan *al-tahsiniyyah*.<sup>13</sup>

*Al-daruriyyah* (perkara yang amat perlu) ialah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Jika tidak ada salah satu dari perkara-perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar pada kehidupan manusia di dunia ini dan di akhirat.<sup>14</sup>

Para sarjana Islam mengatakan bahawa objektif yang amat perlu (*al-daruriyyah*) ialah lima perkara iaitu menjaga nyawa, menjaga agama, menjaga keturunan, menjaga harta dan menjaga akal. Lima perkara ini diisyaratkan oleh al-Quran dan al-sunnah. Ia dapat difahami melalui kaedah

---

<sup>10</sup> Al-Hasani, Ismail. h.119,120.

<sup>11</sup> al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim Musa al-Gharnati al-Maliki. 1991. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Cet. 1. v.2, h 3.

<sup>12</sup> *Mukallaf* ialah orang yang Islam, berakal dan baligh.

<sup>13</sup> Al-Syatibi. v.2, h.7.

<sup>14</sup> Ibid, h.7, 8.

*al-istiqla'* iaitu pengkajian mengenai sebab pada setiap hukum (yang boleh difikirkan kenapa ia disyariatkan) dari hukum-hukum yang disyariatkan.<sup>15</sup>

*Al-hajiyyat* ialah perkara-perkara yang diperlukan untuk menolak kepayahan dan kesusahan dari kehidupan manusia yang dipertanggungjawabkan dengan pelbagai tanggungjawab. Perkara-perkara yang tergolong dalam bahagian ini meliputi persoalan ibadah, adat-adat kebiasaan, muamalat dan jenayah.

Contohnya pada persoalan ibadah ialah kelonggaran dalam beribadah apabila bermusafir atau sakit. Kelonggaran tersebut diperlukan untuk menolak kesusahan pada mereka. Pada adat-kebiasaan masyarakat pula, kelonggaran untuk menikmati perkara-perkara baik yang dihalalkan oleh syarak meliputi makan, minum, pekerjaan, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya. Kelonggaran dalam bermuamalat pula ialah keharusan melakukan beberapa transaksi yang berlawanan dengan kaedah atau *qiyas*. Umpamanya jual-beli *al-salam*, *al-istisna'* dan lain-lain.<sup>16</sup>

*Al-tahsiniyyat* ialah perkara-perkara pelengkap kepada kehidupan. Al-Syatibi menggunakan istilah mempraktikkan *mahasin al-'adat* (adat-adat yang baik) dan menjauhkan *al-ahwal al-mudannisat* (perkara-perkara yang keji). Contoh perkara ibadah yang termasuk dalam bahagian ini ialah menyucikan diri dari najis, menutup aurat, melaksanakan ibadah-ibadah sunnah. Contoh adat yang termasuk dalam bahagian ini pula ialah adab-adab makan, minum, tidur dan lain-lain.<sup>17</sup>

3.1.2 Bahagian ini memperkatakan maksud Allah S.W.T. untuk pemahaman ketika mensyariatkan syariat Islam. Imam al-Syatibi apabila memperjelaskan bahagian ini, mengatakan bahawa kefahaman yang tepat berkenaan dengan syariat Islam dan objektifnya tidak akan diperolehi kecuali dengan memahami bahasa Arab. Oleh itu al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab. Maka objektif syariat Islam pada menurunkan kitab sucinya dalam bahasa Arab bermakna seseorang itu mesti memahami dan mempelajari bahasa Arab untuk memahaminya. Ia berkata:

*"Sesiapa yang ingin memahaminya (yakni al-Quran) maka dengan bahasa Arab ianya difahami, dan tidak ada jalan untuk memahaminya kecuali dengan jalan ini!"*<sup>18</sup>

Ramai sarjana yang tidak bersetuju memasukkan perkara ini dalam bahagian objektif syariat Islam. Mereka berpandangan bahawa memahami bahasa Arab adalah perkara permulaan yang perlu ada pada seorang ulama Islam.<sup>19</sup> Walaupun terdapat perbezaan pada dua pandangan ini, semua memperaku kepentingan bahasa Arab untuk memahami ajaran Islam.

3.1.2 Maksud Allah S.W.T. dan matlamat-Nya ketika mensyariatkan syariat Islam dan perkara yang berkaitan dengannya adalah untuk dipertanggungjawabkan terhadap manusia.

Pada pembahagian ini Imam al-Syatibi memperkatakan objektif syariat Islam atau maksud akhir baginya ketika mempertanggungjawabkan sesuatu syariat terhadap hamba-Nya; dan sesuatu yang termasuk di dalam ruang lingkup yang dimaksudkan oleh syariat Islam dan sesuatu yang terkeluar daripada tanggungjawab tersebut.

Untuk lebih mudah difahami, dibahagikan bahagian ini kepada dua bahagian kecil iaitu:

---

<sup>15</sup> Al-Syatibi, v.1, h. 25, Ibid. v.2, h. 8.

<sup>16</sup> Ibid, h.9.

<sup>17</sup> Ibid, h.9, 10.

<sup>18</sup> Ibid, h. 50.

<sup>19</sup> Al-Raysuni, h.148.

- i. Tanggungjawab terhadap sesuatu yang manusia tidak mampu lakukan. Iaitu sesuatu hukum yang bukan di dalam ruang lingkup kemampuan manusia.
- ii. Tanggungjawab yang manusia mampu laksanakan tetapi dengan mengalami kepayahan dan kesusahan.

Bahagian kecil pertama adalah ternafi dari syariat Islam. Tidak ada dalam syariat Islam sesuatu yang tidak mampu manusia lakukan. Namun al-Syatibi memperkatakan tentang suatu perkara yang menyerupai bahagian kecil yang pertama ini. Umpamanya persoalan kasih-sayang yang merupakan persoalan hati. Manusia tidak dapat menguasai rasa kasih-sayang. Oleh itu suruhan supaya adil dalam berkasih-sayang adalah di luar kemampuan manusia. Walaupun begitu, kasih sayang adalah natijah dari perbuatan. Justeru arahan ini menjurus kepada keadilan terhadap perbuatan-perbuatan zahir (layanan-layanan) dalam berkasih sayang.<sup>20</sup>

Manakala kepayahan yang wujud akibat meninggalkan perkara-perkara haram adalah sesuatu yang memang dimaksudkan oleh syariat Islam. Meninggalkan maksiat dan kemungkaran dalam kehidupan memerlukan kekuatan melawan hawa nafsu pada seseorang individu. Dalam masa yang sama, antara objektif syariat Islam ialah mengeluarkan seseorang individu itu dari menjadi hamba kepada hawa nafsunya sehingga ia menjadi hamba yang benar-benar menyembah Allah S.W.T.<sup>21</sup>

3.1.4 Maksud Allah S.W.T. dan matlamat-Nya ketika mensyariatkan syariat Islam ialah untuk meletakkan setiap hamba Allah S.W.T. di bawah naungan hukum-hakam-Nya.

Imam al- Syatibi telah berkata di dalam kitabnya:

المَقْصَدُ الشَّرْعِيُّ مِنْ وَضْعِ الشَّرِيعَةِ إِخْرَاجُ الْمَكْلُوفِ عَنْ دَاعِيَةِ هَوَاهُ حَتَّى يَكُونَ عَبْدًا لِلَّهِ اخْتِيَارًا كَمَا هُوَ عَبْدُ اللَّهِ اضْطِرَارًا.<sup>22</sup>

Bermaksud: “Matlamat akhir syariat Islam ketika mensyariatkan sesuatu hukum ialah mengeluarkan setiap mukallaf dari menjadi pengikut hawa nafsu sehingga dia menjadi seorang hamba Allah yang redha (terhadap kedudukannya sebagai hamba), sebagaimana dia adalah hamba Allah S.W.T. secara terpaksa (kerana Allah telah menjadikannya begitu)”.

Dengan itu tidak ada sesiapa pun yang boleh terkecuali dari apa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T., atau boleh mengaku terkecuali darinya.

Bahagian ini memberi maksud bahawa matlamat syariat ketika mewajibkan syariat Islam kepada setiap manusia (tanpa ada pengecualian terhadap sesiapa pun), adalah supaya manusia tidak menjadi pengikut kepada hawa nafsu. Sebaliknya ia bertujuan menjadikannya seorang yang menyembah Allah S.W.T. itu menyembah-Nya kerana dia memang merasa dirinya hamba dan bukan kerana terpaksa. Dia menyembah Allah S.W.T. dengan sebenar-benarnya kerana kedudukan sebagai hamba yang wajib menyembah tuannya. Bahkan penyembahannya itu dilakukannya dengan penuh insaf, redha dan dengan rendah hati. Secara tidak langsung bahagian ini menolak dakwaan mereka yang mendakwa bebas dari melaksanakan syariat Allah setelah mencapai sesuatu taraf.

<sup>20</sup> Al-Syatibi. v.2, h.85-86.

<sup>21</sup> Ibid, h.96-97.

<sup>22</sup> Al-Syatibi. v.2, h.128.

### 3.1.5 Maksud *mukallaf*<sup>23</sup>:

Imam al-Syatibi menerangkan satu lagi jenis maksud iaitu maksud *mukallaf* atau matlamat *mukallaf* pada tanggungjawab yang dibebankan ke atasnya. Menurutny jika perbincangan hanya bertumpu kepada membahaskan matlamat Allah S.W.T. semata-mata, teori ini hanya akan tinggal teori tanpa dapat dipraktikkan dalam kehidupan. Oleh itu Imam al-Syatibi memperbahaskan permasalahan objektif seorang muslim yang *mukallaf* apabila menunaikan tanggungjawabnya.

Imam al-Syatibi menyatakan bahawa seorang *mukallaf* perlu memastikan tujuan setiap amalannya bertepatan dengan tujuan dan matlamat Allah S.W.T. mensyariatkan sesuatu tanggungjawab ke atasnya. Lebih-lebih lagi syariat Islam diturunkan bertujuan untuk memberi kebaikan kepada manusia. Justeru manusia mesti mengamalkannya dalam keadaan ia menjadikan pengamalannya menuju ke arah matlamat yang sama dengan matlamat Allah S.W.T.

Menurutnya sekiranya seseorang itu melaksanakan sesuatu hukum yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. dengan bermatlamatkan selain daripada apa yang menjadi matlamat-Nya, seseorang itu telah melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat. Setiap yang bertentangan dengan syariat adalah batil di sisi Allah S.W.T.

Persoalan yang timbul daripada bahagian ini ialah bagaimana caranya untuk seseorang individu itu mengetahui bahawa niatnya bersesuaian dengan niat dan maksud Allah S.W.T.?<sup>24</sup> Ahmad al-Raysuni menegaskan bahawa Imam al-Syatibi telah menyatakan beberapa langkah sebagai jalan penyelesaian iaitu:<sup>25</sup>

- i. Merasakan bahawa maksud sesuatu yang diamalkannya adalah seumpama maksud yang Allah S.W.T. apabila mensyariatkan sesuatu hukum. Namun dia tidak boleh mengeneipkan niat beribadah pada perbuatan tersebut.
- ii. Atau dengan menentukan sesuatu matlamat itu merupakan satu matlamat yang mungkin Allah S.W.T. maksudkan dan mengharapkan di dalam dirinya semoga matlamat inilah yang merupakan matlamat Allah S.W.T. ketika mensyariatkan sesuatu perkara. Cara ini lebih baik dan sempurna.
- iii. Atau dengan melaksanakan sesuatu arahan itu semata-mata mematuhi perintah syarak dan tunduk pada tujuan syarak. Cara inilah yang lebih baik dari dua peringkat yang sebelumnya.

## 3.2 Pembahagian “maqasid Syariah” mengikut pandangan Imam Ibn ‘Asyur:

Imam Ibn ‘Asyur membahagikan *maqasid al-syariah* kepada dua bahagian iaitu matlamat umum dan matlamat khusus.

Maksud atau matlamat yang umum bagi syariat Islam ialah “makna-makna dan hikmah-hikmah yang diperhatikan dari Allah S.W.T. pada setiap perkara yang disyariatkan atau sebahagian besar darinya. Iaitu pemerhatian kepada makna dan hikmah meliputi sifat-sifat syariat Islam dan tujuan umumnya. Sifat-sifat dan tujuan tersebut merupakan hikmah-hikmah yang mnejadi tumpuan syariat Islam apabila mensyariatkan sesuatu hukum. Termasuk dalam matlamat umum ini juga, hikmah-hikmah yang tidak diketahui pada keseluruhan hukum-hukum tetapi dapat diketahui dan diperhatikan pada sebahagian besar dari hukum-hukum yang disyariatkan itu”.<sup>26</sup> Maka objektif yang umum bagi segala hukum syariat Islam ialah bagi mendapatkan kebaikan dan faedah, serta menolak kemudaratan dan kerosakan.

<sup>23</sup> *Mukallaf* ialah orang yang Islam, berakal dan baligh.

<sup>24</sup> Al-Syatibi, v.2, h.251.

<sup>25</sup> Al-Raysuni, h.164, 165.

<sup>26</sup> Ibn. ‘Asyur. h.171.

Maksud Syarak yang khusus ialah cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat, samada untuk mencapai maksud-maksud yang berfaedah untuk manusia, atau untuk memelihara kepentingan umum mereka pada urusan-urusan sesama mereka. Contohnya pensyarian nikah ialah untuk membolehkan manusia melakukan hubungan jenis secara sah dan mendapatkan zuriat daripadanya serta dapat mengelakkan dari tidak mengetahui asal-usul keturunan. Matlamat khusus ini secara tidak langsung membawa kepada terhasilnya matlamat umum iaitu menghasilkan kebaikan dan kesejahteraan hidup sebagaimana yang diterangkan sebelum ini.

#### **4.0 KERANGKA MAQASID SYARIAH PADA BEBERAPA SUDUT YANG DAPAT DIPERHATIKAN.**

Matlamat akhir, objektif atau maksud yang tersirat syariat Islam boleh dilihat dan diperhatikan dari beberapa sudut sebagaimana berikut:

##### **4.1 Maqasid Syariah apabila dilihat di sudut kekuatan hujahnya kepada *qat'i* dan *zanni***

Perkataan *qat'i* (secara putus atau yakin seratus peratus) dalam ilmu pengajian Islam bermaksud sesuatu yang tidak diragukan di sudut penurunannya kepada nabi S.A.W. sehingga ke orang-orang selepasnya (*qat'i al-wurud*); manakala maksud dan maknanya pula jelas yang mana mustahil untuk ditafsirkan dengan makna lain (*qat'i al-dilalah*).

Objektif syariat Islam juga dilihat di sudut *qat'i* dan *zanni*. Matlamat yang *qat'i* ialah matlamat akhir yang diketahui melalui hukum-hukum yang diperjelaskan secara *qat'i*. Contohnya penjagaan nyawa, agama, harta, keturunan dan akal merupakan matlamat syariat Islam yang *qat'i*. Ianya didahulukan berbanding dengan matlamat-matlamat lain yang *zanni*.<sup>27</sup>

##### **4.2 Maqasid Syariah apabila dilihat disudut asal (*al-aşl*) dan mengikut (*al-tabi'*)**

'Maksud Syariah yang asal' bagi syariat Islam ialah sesuatu yang menjadi kewajipan setiap peribadi *mukallaf* untuk menjaganya samada dia redha ataupun tidak terhadap kewajipan tersebut. Kewajipan ini merupakan bebanan dan adakalanya tidak memberikan keseronokan atau nikmat kepada *mukallaf*. Objektif yang asal (*al-maqsad al-aşl*) kepada matlamat syariat Islam ini ialah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga keturunan, menjaga akal dan menjaga harta. Menjaga nyawa adalah satu kesusahan terhadap manusia kerana ia perlu menyediakan pelbagai persiapan untuk menjaganya. Namun syariat Islam tetap meletakkannya sebagai perkara utama yang perlu diambil perhatian.<sup>28</sup>

'Maqasid Syariah yang mengikut atau mendatang' (*al-maqsad al-tabi'*) ialah matlamat yang mengambil kira keseronokan dan nikmat yang dikecapi oleh mukallaf ketika berusaha untuk memenuhi matlamat asal syariat Islam. Contohnya, menjaga akal dengan menuntut ilmu adalah matlamat asal syariat Islam. Arahan menuntut ilmu adalah satu bebanan kerana seseorang perlu bercengkung mata untuk belajar, meninggalkan keluarga dan orang-orang tersayang. Bahkan seseorang itu terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak untuk belajar. Namun, memperolehi ijazah sehingga membolehkan seseorang itu mendapat pekerjaan dan menikmati upah yang diperolehi dari usaha menjaganya akalnya adalah matlamat yang mengikut atau mendatang dari arahan menjaga matlamat asalnya iaitu menjaga akal.<sup>29</sup>

Daripada kenyataan di atas, Imam al-Syatibi membuat satu kesimpulan bahawa manusia dibenar mendapat keseronokan dan kenikmatan dalam usaha untuk menunaikan tanggungjawab

---

<sup>27</sup> Al-Syatibi. v.1, h.19, 20.

<sup>28</sup> Ibid. v.2, h.134, 135.

<sup>29</sup> Ibid, h. 136.



beribadah sebagaimana dibenarkan seseorang yang berpuasa kerana ketaatan kepada Allah S.W.T. dan menjaga kesihatan. Namun tidak dinafikan bahawa menunggalkan niat (menjadikan satu niat sahaja) iaitu untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. semata-mata (menumpukan niat beribadah hanya untuk Allah S.W.T.) dalam beribadah adalah lebih sempurna.

#### **4.3 Maqasid Syariah apabila dilihat disudut umum (*al-‘am*) dan khusus (*al-khas*)**

Imam Ibn ‘Asyur membahagikan *maqasid al-syariah* kepada dua bahagian iaitu matlamat umum dan matlamat khusus. Maksud atau matlamat yang umum bagi syariat Islam ialah “makna-makna dan hikmah-hikmah yang diperhatikan dari Allah pada setiap perkara yang disyariatkan atau sebahagian besar darinya.”<sup>30</sup> Objektif yang umum bagi segala hukum syariat Islam ialah bagi mendapatkan kebaikan dan faedah serta menolak kemudaratan dan kerosakan.

Manakala “maksud atau objektif syariat Islam yang khusus” ialah cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat, samada untuk mencapai maksud-maksud yang berfaedah untuk manusia, atau untuk memelihara kepentingan umum mereka pada urusan-urusan sesama mereka”.<sup>31</sup> Al-Raysuni mengatakan bahawa maksud yang khusus ini ialah matlamat yang mahu dihasilkan oleh syariat Islam pada setiap satu bab yang tertentu dalam persoalan hukum fekah. Umpamanya ialah tujuan syarak pada pensyarian perkahwinan ialah supaya tidak berlakunya kepupusan anak-anak Adam dan ketidaktentuan keturunan.<sup>32</sup>

#### **4.4 Maqasid Syariah apabila dilihat disudut meliputi atau menyeluruh (*al-kulli*) dan tidak menyeluruh atau sebahagian sahaja (*al-juz`i*)**

Maqasid Syariah *juz`i* dilihat di sudut objektifnya pada setiap hukum yang disyariatkan. Apabila Allah S.W.T. mensyariatkan setiap hukum, terdapat matlamatnya yang tersendiri. Contohnya kontrak gadaian (*al-rahn*) adalah disyariatkan sebagai jaminan ketika berhutang. Manakala kontrak nikah itu sendiri bertujuan untuk mengharuskan perhubungan suami isteri dan meramaikan umat Muhammad.<sup>33</sup>

Ulama fekah yang banyak menggunakan *al-maqasid al-juz`i* ini. Mereka menganalisa setiap hukum untuk mengetahui matlamat syariat apabila mensyariatkannya. Contoh yang kerap kali digunakan ialah jual beli seharusnya tidak menghalang pembeli dari menggunakan barang yang dibelinya. Ini berdasarkan matlamat syariat Islam dalam berjual-beli ialah pemindahan hak milik supaya pembeli bebas menggunakannya.

### **5.0 KERANGKA MAQASID SYARIAH UNTUK KEWANGAN DAN PELABURAN**

Daripada perbincangan di atas, kerangka maqasid Syariah untuk kewangan dan pelaburan boleh disimpulkan seperti di bawah:

#### **5.1 Kerangka Maqasid Syariah dalam Perekonomian dan Kewangan**

Berdasar kepada pembahagian al-Syatibi dan ulama usul yang dibincangkan di atas, ia menunjukkan bahawa maqasid Syariah dalam ekonomi dan kewangan Islam boleh dirangkumkan seperti berikut:

---

<sup>30</sup> Muhammad al-Tahir. h.171.

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Al-Raysuni. h.20.

<sup>33</sup> Ibid, h.20.

5.1.1 Maksud Allah S.W.T. pada perkara berkaitan dengan perekonomian dan kewangan Islam boleh juga dilihat dari sudut *al-daruriyyah*, *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah*.<sup>34</sup>

*Al-daruriyyah* (perkara yang amat perlu) ialah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia seperti penjagaan harta melalui pengagihan harta secara saksama dan tidak berputar di kalangan orang-orang kaya, pengharaman riba, perjudian dan penentuan hukum Syarak pada jenayah mencuri dan merompak.<sup>35</sup>

Perkara *Al-hajiyyat* dalam persoalan muamalat melalui pensyariatan kontrak-kontrak yang menyokong penghasilan ekonomi secara halal. Kelonggaran dalam bermuamalat pula ialah keharusan melakukan beberapa transaksi yang berlawanan dengan kaedah atau *qiyas*. Umpamanya jual-beli *al-salam*, *al-istisna'* dan lain-lain.<sup>36</sup>

Perkara *tahsiniyyat* ialah perkara-perkara pelengkap kepada kehidupan merangkumi mempraktikkan *mahasin al-'adat* (adat-adat yang baik) dan menjauhkan *al-ahwal al-mudannisat* (perkara-perkara yang keji). Contoh perkara dalam kewangan ialah menjauhi transaksi walaupun halal tetapi menekan masyarakat apabila mengambil keuntungan melebihi sepatutnya boleh dikategorikan dalam bahagian ini.

5.1.2 Maksud Allah S.W.T. ketika mensyariatkan syariat Islam berkaitan ekonomi dan kewangan Islam adalah untuk dipertanggungjawabkan kepada manusia sama ada sesuatu yang manusia tidak mampu lakukan atau tanggungjawab yang manusia mampu laksanakan tetapi dengan mengalami kepayahan dan kesusahan.

Tidak mampu dilakukan adalah ternafi dari syariat Islam. Kepayahan yang wujud akibat meninggalkan perkara-perkara haram adalah sesuatu yang memang dimaksudkan oleh syariat Islam. Meninggalkan kezaliman, perjudian, riba dan penipuan memerlukan kekuatan melawan hawa nafsu pada seseorang individu.

5.1.3 Maksud Allah S.W.T. dan matlamat-Nya ketika mensyariatkan syariat Islam ialah untuk meletakkan setiap hamba Allah S.W.T. di bawah naungan hukum-hakam-Nya dan tidak menjadi pengikut kepada hawa nafsu. Segala hukum-hakam berkaitan perekonomian dan muamalat Islam bertujuan memberi kesejahteraan kepada masyarakat Islam.

5.1.4 Maksud khusus pensyariatan perekonomian dan muamalat terdiri daripada kontrak-kontrak dan segala larangannya supaya manusia mencari dan mentadbir harta dengan cara yang dibenarkan. Matlamat khusus ini secara tidak langsung membawa kepada terhasilnya maksud umum iaitu menghasilkan kebaikan dan kesejahteraan hidup sebagaimana yang diterangkan sebelum ini

5.1.5 Maksud Syariat Islam juga dilihat di sudut *qat'i* dan *zanni*. Maksud yang *qat'i* ialah objektif yang diketahui melalui hukum-hukum yang diperjelaskan secara *qat'i* dalam penjagaan urusan ekonomi dan kewangan. Contohnya harta melalui hukum hakam faraid, pengharaman riba nasiah dan perjudian serta hukuman jenayah mencuri dan merompak merupakan matlamat syariat Islam yang *qat'i*. Ianya lebih dijaga berbanding maksud Syarak lain yang *zanni*.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Al-Syatibi. v.2, h.7.

<sup>35</sup> Al-Syatibi. v.2, h.7, 8.

<sup>36</sup> Ibid, h. 9.

<sup>37</sup> Ibid. v.1, h. 19, 20.

5.1.6 Antara maksud Syariah yang asal (al-Asli) ialah kewajipan setiap peribadi *mukallaf* untuk menjaga harta. Samada dia redha ataupun tidak, penjagaan harta tetap menjadi kewajipan dan bebanan terhadap *mukallaf*.<sup>38</sup>

Maqasid Syariah yang mengikut atau mendatang (*al-maqsad al-tabi'*) ialah matlamat yang mengambil kira keseronokan dan nikmat yang dikecapi oleh mukallaf ketika berusaha untuk memenuhi matlamat asal syariat Islam. Kesejahteraan dan kemajuan ekonomi seseorang yang berusaha melabur mengikut garis panduan Syarak sebagai usaha menjaga harta, dan dia dianugerahkan dengan kesejahteraan ekonomi dan kewangan melebihi orang lain. Ini merupakan sebahagian maksud Syarak memberikan kenikmatan kepada orang yang menjaga maksud Syariah yang asal iaitu menjaga harta.<sup>39</sup>

5.1.7 Maqasid Syariah *al-juz'i* maksud pada setiap hukum yang disyariatkan. Apabila Allah S.W.T. mensyariatkan kontrak gadaian (*al-rahn*) bertujuan menjadikannya sebagai jaminan ketika berhutang.<sup>40</sup>

Para ahli fekah yang banyak menggunakan *al-maqsad al-juz'i* ini. Mereka menganalisa setiap hukum untuk menentukan maksud Syarak apabila mensyariatkannya. Contoh yang kerap kali digunakan ialah jual beli seharusnya tidak menghalang pembeli dari menggunakan barang yang dibelinya kerana maksud kontrak jual beli ialah pemindahan hak milik supaya pembeli bebas menggunakannya.

## 5.2 Kerangka Maqasid Syariah pada Pelaburan

Beberapa pengkaji kontemporari menyimpulkan kerangka maqasid Syariah pada pelaburan seperti berikut:<sup>41</sup>

5.2.1 Galakan supaya kekayaan berlegar secara menyeluruh.

Syarak secara jelas berobjektifkan kekayaan tidak berputar kepada golongan kaya sahaja. Dalam Surah al-Hasyr, ayat 7, Allah SWT telah berfirman:

كِي لَا تَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Ertinya: Supaya (kekayaan) tidak berputar di kalangan orang-orang kaya.

Produk pelaburan perlu meluaskan peluang terhadap masyarakat pertengahan dan bawahan. Tidak hanya menjurus pelaburan khusus untuk orang-orang kaya. Justeru, Syeikh Ibn Asyur RH juga mengaitkan larangan lelaki memakai emas supaya emas berlegar dan berpindah tangan serta tidak berkurangan akibat dipakai oleh kaum lelaki. Demikian juga, Syarak amat menekankan larangan menyorok barangan untuk menaikkan harga dan menekan pengguna.<sup>42</sup>

---

<sup>38</sup> Ibid. v.2, h. 134, 135.

<sup>39</sup> Ibid, h. 136.

<sup>40</sup> Ibid, h. 20.

<sup>41</sup> Al-Hasani, Ismail. h. 173-185. Monzer Kahf (2006). *Maqasid Al-Shariah in The Prohibition of Riba and Their Implications for Modern Islamic Finance*. IIUM International Conference on Maqasid al Shari'ah, August 8-10, 2006. Gombak: IIUM.

<sup>42</sup> Al-Hasani, Ismail, h.1773-175; al-Misri, Rafiq Yunur (1993). *Usul al-Iqtisad al-Islami*. h.251-252. Ahmad Asad Ibrahim, Radwan Jamal Elatrash, Mohammad Omar Farooq (2014) "Hoarding versus circulation of wealth from the perspective of maqasid al-Shari'ah", *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, v.7 Iss:1, pp.6 - 21

### 5.2.2 Pemilikan harta yang terjamin

Objektif Syarak supaya setiap pemilik harta berhak mengurusniaga dengan harta dan wang yang dimilikinya, namun hendaklah dalam ruang lingkup tidak menyalahi Syariat. Berdasarkan maksud ini, pemilik hendaklah:

- a. Berpegang kepada hukum-hukum akad yang ada dalam muamalat Islam dan menunaikan syarat-syarat yang dipersetujui.
- b. Menjauhi transaksi dan urusanniaga yang salah.
- c. Kebebasan kontrak adalah terjamin selagi tidak bertentangan dengan Syariah.
- d. Mesti melarang orang yang boros daripada mengurusniaga.
- e. Pemilik tidak boleh membawa kemudaratannya terhadap jirannya.
- f. Melarang urusanniaga riba kerana ia mempunyai kemudaratannya khusus dan umum.
- g. Tidak mengambil harta orang lain tanpa keredhaannya.
- h. Peranan mahkamah menjaga kemaslahatan semua.

### 5.2.3 Keuntungan diperolehi atas bebanan kerja, harta dan liabiliti.<sup>43</sup>

Ulama menggariskan kaedah *al-ghunm bil ghurm* (untung beserta dengan risiko) berdasarkan maksud Syarak bahawa seseorang itu berhak mendapatkan keuntungan kerana kesediaannya menanggung risiko sebagaimana dalam hadis:

الخراج بالضمان

Ertinya: *Penghasilan beserta dengan liabiliti.*

Semua kontrak-kontrak pertukaran (*muawadat*) mempunyai unsur menanggung kerja, harta, risiko dan liabiliti. Risiko dalam kontrak ribawi tidak diiktiraf sebagai risiko yang boleh mendapat keuntungan.

### 5.2.4 Menjunjung prinsip keadilan, kerjasama dan persaudaraan.

Setiap pemilikan bukan melalui kezaliman sebaliknya menerusi kontrak pertukaran (*muawadat*), sedekah (*tabarruat*) atau pewarisan (*irth*). Sistem pelaburan dibina di atas asas keadilan, kerjasama (*taawun*) dan persaudaraan. Justeru, larangan monopoli kerana menzalimi masyarakat. Pada masa yang sama pemerintah perlu menghadkan barang-barang yang ditentukan harga (*tas'ir*) supaya tidak menzalimi peniaga.<sup>44</sup>

### 5.2.5 Jauhi riba

Maksud Syarak supaya pelaburan dilakukan melalui transaksi yang sah seperti jual beli. Maksud Syarak pada kontrak jualbeli ialah pembeli mendapatkan pemilikan dan bebas menggunakan barang beliannya. Penjual bebas pula bebas menggunakan bayaran yang diperolehi. Pada masa yang sama, para pelabur secara jelas dilarang terlibat dengan urusanniaga riba. Larangan riba nasiah adalah larangan daripada nas yang *Qat'ie*, disamping larangan riba fadl yang berbentuk *zanni*.

<sup>43</sup> Al-Masri, h.220-221, Monzer Kahf (2006).

<sup>44</sup> Mohamad Akram Laldin and Hafas Furqani (2013) "The Foundations of Islamic Finance and The Maqasid al-Shari'ah Requirement", *Journal of Islamic Finance*, Vol. 2 No 1 (2013) 031-037, Gombak: IIUM Institute of Islamic Banking and Finance.

Isu kontrak yang menjadi helah untuk transaksi menyerupai riba, akan sentiasa menghantui pelaburan Islam sekiranya transaksi tersebut tidak dilakukan secara betul. Kritikan berterusan juga terhadap kewangan Islam apabila mereka terlalu bergantung kepada kadar keuntungan riba.<sup>45</sup>

#### 5.2.6 Perjudian

Maksud Syarak supaya perjudian ditinggalkan berdasarkan larangan jelas dalam al-Quran dan Sunnah. Perjudian dikaitkan dengan dosa yang besar, permusuhan dan pertelingkahan. Perjudian bukanlah cara untuk membuat pelaburan. Atas dasar itulah ulama kontemporari amat berhati-hati pada produk-produk derivatif bagi mengelakkan unsur perjudian.

#### 5.2.7 *Gharar* dan pertelingkahan (*niza'*).

Larangan syarak terhadap pelbagai bentuk *gharar* pada rukun-rukun akad menunjukkan maksud dan objektif Syarak menghindarkan segala elemen ketidakpastian yang besar, dan arahan supaya mengelakkan perkara yang boleh membawa kepada pemusuhan dan pertelingkahan.<sup>46</sup>

#### 5.2.8 Kesan positif ke atas ummah dan hak ummah ke atas harta.<sup>47</sup>

Maksud Syarak secara menyeluruh menunjukkan kepentingan sesuatu pelaburan itu memberi kesan positif kepada pembangunan ummah sama ada kerohanian mahupun fizikal. Pelaburan yang menjurus kepada pembangunan fizikal semata boleh memberikan kesan besar kepada pembangunan ummah bersesuaian dengan firman Allah SWT (Surah al-Rum, 41) ertinya: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Syarak juga mengingatkan pemilik harta bahawa di dalam pemilikan mereka terdapat milik orang lain secara tidak langsung. Maka gunalah peluang ke atas kekayaan untuk berinfak kepada orang-orang yang memerlukan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Zariyat, ayat 20:

وفي أموالهم حف للسائل والمحروم

Ertinya: *Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

### 5.3 Maqasid juz'ie dalam kontrak-kontrak pelaburan:

Maksud Syariah *al-juz'i* dilihat di sudut objektifnya pada setiap hukum yang disyariatkan. Apabila Allah S.W.T. mensyariatkan sesuatu hukum, terdapat matlamatnya yang tersendiri.<sup>48</sup>

---

<sup>45</sup> Saiful Azhar Rosly (2010) "Shariah parameters reconsidered", *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 3 Iss: 2, pp.132 - 146

<sup>46</sup> Mohamad Akram Laldin and Hafas Furqani (2013).

<sup>47</sup> Elvan Syaputra, Faridl Noor Hilal, Muhammad Febriansyah, Issa Qaed, Muhammad Majdy Amiruddin & Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2014). *Maslahah as an Islamic Source and its Application in Financial Transactions*, *Journal of Research in Humanities and Social Science*, v.2, Iss.5, pp. 66-71

<sup>48</sup> Al-Raysuni. h.20-24

#### 5.3.1 Jual beli

Sebagaimana yang disebut di atas, maksud Syarak dalam pensyariatan jual beli ialah pemindahan pemilikan. Penjual akan mendapat harga, dan pembeli mendapat pemilikan. Sekaligus, pembeli akan menanggung beban tanggungjawab terhadap barang yang dibelinya.

#### 5.3.2 Sewa

Maksud Syarak dalam kontrak sewaan ialah memberi kemudahan kepada penyewa menggunakan sesuatu barang tanpa perlu membeli barang tersebut. Secara tidak langsung, penyewa tidak bertanggungjawab terhadap barang tersebut. Penyewa hanya perlu memastikan dia tidak salah guna sehingga merosakkan atau memusnahkan barang tersebut.

#### 5.3.3 Wakalah

Maksud Syarak pada pensyariatan wakalah ialah pensyariatan mewakilkan pihak lain untuk bertindak bagi pihak pewakil. Wakil akan bertindak bagi pihak pewakil dan menjaga amanah yang dipikulkan kepadanya sama ada secara percuma atau secara berupah. Wakil tidak berhak bertindak diluar batasan, dan tidak pula bertanggungjawab ke atas kesan kontrak yang dibebankan ke atasnya kecuali jika berlaku salah laku terhadap tugasnya.

#### 5.3.4 Mudarabah

Maksud Syarak apabila dalam mudarabah ialah pengusaha boleh memperoleh modal daripada pemodal dan bertindak melaburkannya dengan untung dikongsi bersama mengikut persetujuan mereka. Ia memberi kemudahan kepada pemodal membuat pelaburan dengan pengusaha tanpa perlu mempunyai kepakaran dalam perniagaan tersebut. Maksud Syarak untuk mereka berkongsi keuntungan adalah untuk menafikan keharusan menetapkan amaun tetap keuntungan kerana penetapan amaun tetap menafikan maksud Syarak supaya mereka berkongsi keuntungan.

#### 5.3.5 Musyarakah

Maksud Syarak pada akad *musyarakah* ialah mengharuskan dua atau lebih pemodal untuk bekerjasama menjalankan sesuatu usaha dengan berkongsi keuntungan mengikut persetujuan, dan berkongsi kerugian berdasarkan modal masing-masing. Sebagaimana mudarabah, Maksud Syarak untuk mereka berkongsi keuntungan adalah untuk menafikan keharusan menetapkan amaun tetap keuntungan kerana penetapan amaun tetap menafikan maksud Syarak supaya mereka berkongsi keuntungan.

### 6.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP.

Berdasarkan penerangan di atas, ulama-ulama telah menggariskan kerangka maqasid Syariah secara menyeluruh. Berpandukan kepada kerangka tersebut, kita boleh mendapatkan panduan jelas mengenai kerangka *maqasid Syariah* pada kewangan dan pelaburan. Terdapat maksud-maksud Syarak yang tertentu pada pengurusan kewangan dan pelaburan. Ia boleh menjadi panduan kepada pengurusan kewangan dan pelaburan moden supaya terbina di atas *maqasid Syariah* dan ruhnyanya.

*Wallahu ta'ala a'lam.*